

23/11/1999

Manifesto BN penerusan khidmat cemerlang

MANIFESTO Barisan Nasional (BN) yang dilancarkan kelmarin tidak menjanjikan sesuatu tinggi melangit sehingga sukar dicapai rakyat. Seperti manifesto beberapa pilihan raya lalu, jaminan utama BN ialah memastikan Malaysia terus aman manakala kehidupan rakyat bertambah sejahtera menerusi kepemimpinan kerajaan yang efisien. Terasnya ialah ikhtiar digembleng manakala iltizam diperkukuhkan bagi mencapai matlamat wawasan mewujudkan Malaysia bersatu dan maju.

Pilihan raya bertujuan memberi peluang rakyat memilih kerajaan berwibawa dan berwawasan, bukan untuk individu merebut kuasa mahupun jawatan. Dengan hasrat inilah, BN menyertai setiap pilihan raya umum yang diadakan termasuk pilihan raya kecil untuk terus menjadi kerajaan yang boleh memenuhi kehendak semua rakyat serta meningkatkan lagi status Malaysia.

Manifesto BN kali ini menyaksikan sekali lagi penerusan gagasan yang mewakili pandangan semua parti komponen berbilang kaum dan agama. Bebas, Sepadu dan Maju dilihat mempunyai kesinambungan dan keserasian seperti gagasan Berwawasan, Adil, Efisien, Tradisi Membela Rakyat serta Bersih, Cekap dan Amanah yang terbukti kejayaannya.

Kesinambungan seperti ini amat penting dalam pentadbiran sebuah kerajaan yang mempunyai kemampuan membangunkan negara. Sehubungan itu, manifesto BN 1999 menggambarkan keinginan komponen parti itu menawarkan diri untuk berkhidmat semula kepada negara dan rakyat serta meneruskan pentadbiran yang sekian lama terbukti cemerlang.

Walaupun semua yang dijanjikan adalah sederhana, ia amat realistik. Semua manifesto lalu termasuk bagi pilihan raya ke-10 ini dibuat berdasarkan kemampuan negara serta diyakini dapat dipenuhi tanggungjawabnya oleh kerajaan BN, apabila diberi semula mandat memerintah.

Kita yakin rakyat dapat menilai sepenuhnya manifesto BN kali ini sebagai sesuatu yang bukan keterlaluan dan mendabik dada. Sesungguhnya, dalam membuat penilaian sebelum mengundi, rakyat Malaysia yang cintakan kesejahteraan akan juga mengambil kira rekod BN mentadbir dan memakmurkan negara, bukan berdasarkan sentimen yang sengaja dibakar pembangkang.

Rakyat yang sudah sehati dengan kemampuan BN, tidak akan mensia-siakan peluang menentukan masa depan mereka dan negara. BN jelas mempunyai rekod cemerlang dan wawasan bersuluh bagi menentukan hala tuju Malaysia berbanding pembangkang.

Lantas, rakyat akan terus mengekalkan demokrasi, keutuhan undang-undang, pentadbiran efisien, keharmonian kaum, keamanan dan pembangunan negara yang pesat sehingga mencapai taraf negara maju yang BN sahaja mampu menghidangnya. Seperti dijelaskan Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, manifesto itu amat mudah difahami rakyat. Bahasa yang digunakan tidak berbelit-belit dan isu yang diketengahkan sangat praktikal.

Untuk membezakan manifesto BN dan pembangkang bukan sesuatu yang sukar. Intipati manifesto BN mudah diterjemahkan kepada penggembleran usaha kerana ia datangnya daripada hasrat rakyat dan dirumus oleh kerajaan yang dipilih rakyat. Tetapi manifesto pembangkang dicipta oleh segelintir pemimpinnya sahaja kerana suara mereka tidak dapat mewakili majoriti rakyat. Manifesto barisan alternatif yang diumumkan akhir Oktober lalu, meleret-leret panjangnya. Ini kerana peringkat awal ia dibuat berasingan dan kemudian digabungkan sehingga menjadi sebuah buku setebal 45 muka

surat yang membosankan untuk dibaca.

Lidah rasmi Pas, Harakah keluaran 8 November terpaksa menyediakan lapan halaman tabloid bagi memuatkan manifesto itu. Disebabkan ideologi pemimpin barisan alternatif ibarat air dan minyak yang tidak mungkin bercampur, manifesto mereka tampak banyak cacat-celanya. Manifesto itu kononnya cuba mengubah budaya rakyat sedangkan ia penuh dengan unsur provokasi dan sikap menentang. Mereka mendakwa menolak kapitalisme agar dilihat memperjuangkan keadilan untuk semua.

Pembangking juga berani menyogok rakyat dengan mentaliti subsidi dan pelbagai jaminan yang tidak mungkin dapat dilaksanakan. Pembangking sedar adalah tidak rugi untuk berjanji apabila mengetahui ia sememangnya tidak dapat dikotakan. Lebih aneh, sebahagian besar jaminan itu berbentuk penerusan kepada apa yang sudah dan sedang dilakukan oleh kerajaan BN.

(END)